

Telegram: "CHIEFMIN KOTA KINABALU"
BIL. CMD.JPAN:700-3/501/19 KLT.3/51

Tolong sebutkan rujukan fail kami
dalam jawapan surat ini
(Please quote our file reference
in your reply to this letter)



JABATAN KETUA MENTERI
(CHIEF MINISTER'S DEPARTMENT)
Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 5/2012

IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI TAHUN 2012

TUJUAN

1. Pekeling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri untuk memberi Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi pada tahun 2012 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah membuat keputusan supaya Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi bagi tahun 2012 dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang merupakan satu penghargaan Kerajaan kepada seluruh penjawat awam dalam menjayakan pelaksanaan program pembangunan Negeri. Kadar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi yang ditetapkan adalah sebanyak setengah (1/2) bulan gaji atau minimum RM500.00.
3. Imbuhan Tahunan dibayar kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana, manakala Bayaran Khas Prestasi dibayar kepada pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

PELAKSANAAN

4. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini diberi kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari hingga 25 Julai 2012.

Pegawai Yang Layak

5. Pegawai yang layak dibayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini adalah seperti berikut:

- a. Pegawai tetap, sementara, kontrak, pekerja gaji hari dan anggota berjawatan Vot Terbuka;
- b. Pegawai yang bercuti separuh gaji;
- c. Pegawai kontrak yang putus perkhidmatannya selama satu (1) hari sebelum disambung semula kontrak perkhidmatannya.

Pegawai Yang Tidak Layak

6. Pegawai yang tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah seperti berikut:

- a. Pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari hingga 25 Julai 2012;
- b. Pegawai yang berkhidmat di agensi yang diasingkan pengurusan saraannya sepanjang tempoh 1 Januari hingga 25 Julai 2012;

- c. Pegawai yang dipinjamkan ke syarikat swasta sepanjang tempoh 1 Januari hingga 25 Julai 2012;
- d. Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman amaran dalam tempoh 1 Januari hingga 25 Julai 2012; dan
- e. Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam atau demi kepentingan perkhidmatan awam dalam tempoh 1 Januari hingga 25 Julai 2012.

Pegawai Yang Ditangguhkan Pemberian Imbuhan Tahunan dan Bayaran Bayaran Khas Prestasi

7. Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, ditangguhkan pemberian Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi. Pegawai hanya layak dibayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah atau pegawai hanya dikenakan hukuman amaran.

SYARAT PEMBAYARAN

8. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari hingga 25 Julai 2012.

9. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini dibayar berdasarkan gaji bulan Julai 2012 atau gaji akhir yang diterimanya.

10. Bagi tujuan pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi, "gaji" adalah bermaksud seperti berikut:

- a. Gaji hakiki dan Elaun Pemangku bagi pegawai yang memangku sesuatu jawatan;
- b. Gaji yang diberi atas sebab peminjaman/ pertukaran sementara;
- c. Separuh daripada gaji hakiki bagi pegawai bercuti separuh gaji.

KAEDAH PENGIRAAN

11. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah dibayar secara pro-rata (*proportionate*) berdasarkan bilangan hari yang layak dalam tempoh 1 Januari hingga 25 Julai 2012 tertakluk kepada syarat bahawa pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dengan kadar minimum sebanyak RM500.00. Contoh pengiraan adalah seperti di **Lampiran A**.

12. Pegawai yang dinaikkan pangkat/ dilantik secara Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL)/ dipinjamkan/ ditukar sementara atau bertukar skim perkhidmatan dalam tempoh 1 Januari hingga 25 Julai 2012, perkiraan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi hendaklah berdasarkan gaji bulan Julai 2012 atau gaji akhir yang diterima.

13. Pekerja Gaji Hari (Vot Terbuka) yang telah berkuatkuasa sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari hingga 25 Julai 2012 layak dibayar Imbuhan Tahunan sebanyak RM500.00.

14. Pegawai yang bersara dalam tempoh 1 Januari hingga 25 Julai 2012, Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi adalah dibayar oleh jabatan terakhirnya secara pro-rata (proportionate) berdasarkan bilangan hari yang layak dalam tempoh tersebut. Bayaran hendaklah diselaras dengan membuat potongan Bayaran Khas Pesara sebanyak RM500.00 yang dibayar oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

15. Pesara Perkhidmatan Awam Negeri yang dilantik semula secara kontrak dan masih berkhidmat dalam tempoh 1 Januari hingga 25 Julai 2012 layak dibayar Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi oleh jabatan di mana pegawai berkhidmat berdasarkan gaji bulan Julai 2012 atau gaji akhir yang diterima. Jabatan hendaklah membuat potongan jumlah Bayaran Khas Pesara sebanyak RM500.00 yang telah dibayar oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia daripada amaun Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Prestasi sebagai penyelarasan semula (*journalise*).

16. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini tidak boleh diselaraskan jika berlaku apa-apa keputusan dasar mengenai pelarasan gaji selepas 25 Julai 2012. Dalam keadaan di mana sesuatu keputusan dasar pelarasan gaji dalam tahun semasa masih tidak dilaksanakan kerana kelewatan pentadbiran, pegawai layak diberi pelarasan Imbuhan Tahunan atau Bayaran Khas Presatasi.

JABATAN YANG MEMBAYAR

17. Pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada bulan pembayaran.

18. Pegawai yang bersara dalam tempoh 1 Januari hingga 25 Julai 2012, bayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi adalah menjadi tanggungan jabatan terakhir pegawai berkenaan.


TARIKH KUAT KUASA

19. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 25 Julai 2012.

PEMAKAIAN

20 Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(SUKARTI BIN WAKIMAN)
Setiausaha Kerajaan Negeri
Jabatan Ketua Menteri
KOTA KINABALU

Tarikh: 31/1/2012

S.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88593 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
88595 KOTA KINABALU

Pengarah Audit
Jabatan Audit
88990 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

Lampiran A

**CONTOH PENGIRAAN
IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI TAHUN 2012**

Contoh 1: Pelantikan Baru

Puan Norleeza telah dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41 pada 17 Januari 2012 dengan gaji permulaan sebanyak RM2,252.80.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \frac{1}{2} \times \text{gaji Julai 2012} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{207}$$

$$= \frac{1}{2} \times \text{RM2,252.80} \times \frac{^{191}}{_{207}} ^a$$

$$= \text{RM1,039.34}$$

^a 191 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 17 Januari 2012 hingga 25 Julai 2012

^b 207 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 25 Julai 2012 termasuk Hari Rchat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

Contoh 2: Pelantikan Baru

Puan Ruhil telah dilantik sebagai Penolong Akauntan Gred W27 pada 26 Jun 2012 dengan gaji permulaan sebanyak RM1,667.08.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \frac{1}{2} \times \text{gaji julai 2012} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{207}$$

$$= \frac{1}{2} \times \text{RM1,667.08} \times \frac{30^a}{207} b$$

$$= \text{RM120.80}$$

Pegawai memenuhi syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut. Berdasarkan pengiraan didapati kelayakan Imbuhan Tahunan di atas kadar setengah bulan gaji bagi pegawai adalah kurang daripada RM500.00, maka pegawai adalah layak dibayar Imbuhan Tahunan sebanyak **RM500.00** iaitu kadar minimum yang ditetapkan.

^a 30 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 26 Jun 2012 hingga 25 Julai 2012

^b 207 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 25 Julai 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

Contoh 3: Pegawai Sedia Ada

Cik Zaiton seorang Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 dengan gaji sebanyak RM1,511.54 dan telah berkhidmat sepanjang tempoh 1 Januari sehingga 25 Julai 2012.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= \frac{1}{2} \times \text{gaji Julai 2012} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{207} \\ &= \frac{1}{2} \times \text{RM1,511.54} \times \frac{207}{207} \\ &= \text{RM755.77} \end{aligned}$$

Pegawai memenuhi syarat telah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut. Berdasarkan pengiraan didapati kelayakan Imbuhan Tahunan pegawai adalah sebanyak RM755.77.

^a207 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 25 Julai 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

Contoh 4: Kenaikan Pangkat Yang Dikebelakangkan

Encik Ramasamy telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 berkuat kuasa mulai 1 April 2012 melalui surat penyiaran kenaikan pangkat bertarikh 23 Julai 2012. Gaji terakhir pegawai di Gred F41 ialah RM3,287.45. Gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai di F44 adalah RM3,512.45.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= \frac{1}{2} \times \text{gaji Julai 2012} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{207} \\ &= \frac{1}{2} \times \text{RM3,512.45} \times \frac{207^a}{207} \\ &= \text{RM1,756.23} \end{aligned}$$

^a 207 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 25 Julai 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkан gaji

Contoh 5: Kenaikan Pangkat Yang Dikebelakangkan

Eneik Zahrulail telah dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 berkuat kuasa mulai 3 Julai 2012 melalui surat penyiaran kenaikan pangkat bertarikh 1 Ogos 2012. Gaji terakhir pegawai di Gred F41 ialah RM3,287.45. Gaji permulaan kenaikan pangkat pegawai adalah RM3,512.45.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \frac{1}{2} \times \text{gaji Julai 2012} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{207}$$

$$= \frac{1}{2} \times \text{RM3,287.45} \times \frac{207^a}{207}$$

$$= \text{RM1,643.73}$$

^a 207 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 25 Julai 2012 termasuk Hari Rhat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutii yang melayakkan gaji

Contoh 6: Pegawai Bercuti Separuh Gaji

Cik Zarina yang berkhidmat sebagai Pegawai Syariah Gred LS44 telah menggunakan kemudahan Cuti Separuh Gaji untuk menjaga anaknya yang sakit bagi tempoh mulai 1 Februari hingga 22 Februari 2012. Pegawai telah melaporkan diri dan bertugas semula mulai 23 Februari 2012. Gaji pegawai pada Julai 2012 adalah sebanyak RM3,583.04.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= [A + B + C]$$

$$\begin{aligned} &= \left[\frac{1}{2} \times \text{gaji Julai 2012} \times \frac{\text{bil.hari berkhidmat}}{207} \right] + \left[\frac{1}{2} \times \left[\frac{1}{2} \times \text{gaji Julai 2012} \times \frac{\text{bil.hari berkhidmat}}{207} \right] \right] \\ &\quad + \left[\frac{1}{2} \times \text{gaji Julai 2012} \times \frac{\text{bil.hari berkhidmat}}{207} \right] \end{aligned}$$

$$= \left[\frac{1}{2} \times \text{RM3,583.04} \times \frac{31^a}{207} \right] + \left[\frac{1}{2} \times \left[\frac{1}{2} \times \text{RM3,583.04} \times \frac{22^b}{207} \right] \right]$$

$$+ \left[\frac{1}{2} \times \text{RM3,583.04} \times \frac{154^c}{207^d} \right]$$

$$= \text{RM}268.30 + \text{RM}95.20 + \text{RM}1,332.82$$

$$= \text{RM}1,696.32$$

Pegawai layak dibayar Imbuhan Tahunan sebanyak RM1,696.32 berdasarkan perkiraan di atas.

^a Bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Januari 2012

^b Bagi tempoh 1 Februari hingga 22 Februari 2012

^c Bagi tempoh 23 Februari hingga 25 Julai 2012

^d 31 hari - Bilangan hari mulai 1 Januari hingga 31 Januari 2012

^b 22 hari - Bilangan hari Cuti Separuh Gaji dari 1 Februari hingga 22 Februari 2012

^c 154 hari - Bilangan hari dari 23 Februari hingga 25 Julai 2012 termasuk Hari Raya Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutii yang melayakkan gaji

^d 207 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 25 Julai 2012 termasuk Hari Raya Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutii yang melayakkan gaji

Contoh 7: Pegawai Bersara

Eneik Nazri yang berkhidmat sebagai Pembantu Penguasa Kastam Gred W26 telah bersara pada 20 Februari 2012. Gaji terakhir pegawai adalah RM3,497.76.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \left[\frac{1}{2} \times \text{gaji Julai 2012} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{207} \right] - \text{Bayaran Khas Pesara}$$

$$= \left[\frac{1}{2} \times \text{RM3,497.76} \times \frac{51^a}{207^b} \right] - [\text{RM500.00}]$$

$$= \text{RM172.35} - \text{RM500.00}$$

$$= (\text{RM327.65})$$

Berdasarkan pengiraan didapati kelayakan Imbuhan Tahunan di atas kadar setengah bulan gaji adalah kurang daripada RM500.00 iaitu RM172.35. Maka pesara adalah layak dibayar Bayaran Khas Pesara sebanyak **RM500.00** oleh Bahagian Pasca Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam. Jabatan tidak perlu membuat pembayaran.

^a 51 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari hingga 20 Februari 2012

^b 207 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 25 Julai 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

Contoh 8: Pegawai Bersara

Encik Bakar yang berkhidmat sebagai Jurutera Gred Utama B (VU6) telah bersara pada 6 Julai 2012. Pegawai telah dibayar Bayaran Khas Pesara sebanyak RM500 pada Julai 2012. Gaji terakhir pegawai adalah RM12,201.84.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \frac{1}{2} \times \text{gaji Julai 2012} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{207} - \text{Bayaran Khas Pesara}$$

$$= [\frac{1}{2} \times \text{RM}12,201.84 \times \frac{188^a}{207^b}] - [\text{RM}500.00]$$

$$= \text{RM}5,540.93 - \text{RM}500.00$$

$$= \text{RM}5,040.93$$

Pegawai layak dibayar Imbuhan Tahunan 2012 secara pro-rata (*proportionate*) sebanyak RM5,040.93 setelah ditolak RM500 iaitu Bayaran Khas Pesara.

^a 188 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Januari 2012 hingga 6 Julai 2012

^b 207 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 25 Julai 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji

Contoh 9: Tatatertib

Surat pertuduhan tatatertib terhadap Encik Zul yang berkhidmat sebagai Pembantu Tadbir Gred N17 telah dikeluarkan pada 5 Mei 2012. Jawatankuasa Tindakan Tatatertib yang bersidang telah mengambil keputusan tangguh pergerakan gaji* beliau melalui surat hukuman tatatertib yang dikeluarkan pada 24 Julai 2012. Gaji pegawai pada Julai 2012 adalah sebanyak RM1,491.01.

Pegawai tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan kerana hukuman tatatertib dikenakan dalam tempoh 1 Januari hingga 25 Julai 2012.

Nota:

*Hukuman tatatertib adalah diperuntukkan di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 seperti berikut:

- (i) amaran;
- (ii) denda;
- (iii) lucut hak emolumen;
- (iv) tangguh pergerakan gaji;
- (v) turun gaji;
- (vi) turun pangkat; atau
- (vii) buang kerja

Pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib selain daripada amaran tidak layak dibayar Imbuhan Tahunan.

Contoh 10: Pegawai Yang Dipinjamkan Ke Badan Yang Diasingkan Saranya

Puan Marlina yang berkhidmat sebagai Pegawai Teknologi Maklumat Gred F48 telah dipinjamkan ke Lembaga Tabung Haji dari 1 Januari hingga 30 Mei 2012. Beliau kemudiannya telah kembali bertugas di JPA pada 1 Jun 2012. Gaji pegawai pada Julai 2012 adalah sebanyak RM5,936.91.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$= \frac{1}{2} \times \text{gaji Julai 2012} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{207}$$

$$= [\frac{1}{2} \times \text{RM5,936.91} \times \frac{55^a}{207^b}]$$

$$= \text{RM788.72}$$

^a 55 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Jun 2012 hingga 25 Julai 2012

^b 207 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 25 Julai 2012 termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cuti yang melayakkan gaji

Contoh 11: Pegawai Yang Dipinjamkan Ke Badan Antarabangsa

Encik Akmal yang berkhidmat sebagai Pegawai Penyelidik Gred Q52 telah dipinjamkan ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dari 1 Februari 2010 hingga 31 Januari 2012. Beliau kemudiannya kembali bertugas di Jabatan Alam Sekitar pada 1 Februari 2012. Gaji pegawai pada Julai 2012 adalah sebanyak RM7,031.29.

Pengiraan kadar kelayakan Imbuhan Tahunan bagi pegawai adalah seperti berikut:

$$\begin{aligned} &= \left[\frac{1}{2} \times \text{gaji Julai 2012} \times \frac{\text{bil. hari berkhidmat}}{207} \right] \\ &= \left[\frac{1}{2} \times \text{RM7,031.29} \times \frac{176^a}{207^b} \right] \\ &= \text{RM2,989.15} \end{aligned}$$

^a 176 hari - Bilangan hari berkhidmat dari 1 Februari 2012 hingga 25 Julai 2012

^b 207 hari - Bilangan hari dari 1 Januari hingga 25 Julai 2012 termasuk Hari Rhat Mingguan, Hari Kelepasan Am dan cuti-cutি yang melayakkan gaji